

23 SEP 1996
Formula 1-Pendapat
FORMULA ONE AKAN MENINGKATKAN IMEJ NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Mengadakan lumba kereta Formula One di sini pada 1999 akan memberi sumbangan yang besar kepada industri sukan kereta dan pelancongan, kata pegawai-pegawai Persatuan Automobil Malaysia (AAM).

Bagaimanapun mereka berpendapat para penganjur perlu mengenal pasti mereka yang terbabit dalam bidang itu dan menghantar mereka ke luar negara bagi pendedahan untuk memastikan acara itu berjalan dengan lancar.

Pengurus Besar AAM Khir Anuar Mohd berkata, acara itu akan meninggalkan kesan yang besar dalam mempromosi sukan kereta di Malaysia dan meletakkan negara dalam peta dunia perlumbaan.

Pengerusi Jawatankuasa Sukan Kereta AAM, Mejar (B) Zainuddin Che Din menyatakan pendapat yang sama dengan Khir dengan berkata ia akan membawa imej berprestij ke Malaysia dan liputan televisyen di seluruh dunia.

"Daripada segi penonton televisyen, Formula One di tempat kedua selepas Sukan Olimpik. Sukan Olimpik diadakan sekali setiap empat tahun sementara Formula One merupakan acara tahunan...jadi bayangkan kesannya," kata beliau.

Khir dan Zainuddin mengulas keputusan Persatuan Penaja Formula One (FOCA), iaitu pihak berkuasa tertinggi yang menganjurkan perlumbaan Formula One, untuk menawarkan satu daripada pusingan perlumbaan itu kepada Malaysia pada 1999.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berada di Portugal untuk menyaksikan perlumbaan Grande Premio de Portugal F1 GP pada hujung minggu lepas, hari ini mengesahkan yang FOCA telah bersetuju menawarkan satu daripada pusingan sukan itu kepada Malaysia.

"Kehadiran Perdana Menteri memberi keyakinan kepada FOCA untuk menawarkan perlumbaan itu kepada kita. Mereka tahu kerajaan menyokong penuh projek itu dan ini pasti membantu," kata Zainuddin.

Beliau berkata, dengan adanya tempoh tiga tahun lagi sebelum perlumbaan itu, tempoh itu adalah memadai untuk mengkaji dan belajar mengenai aspek menganjurkan perlumbaan itu daripada negara-negara yang menganjurkannya.

Zainuddin berkata, satu daripada cara memastikan kejayaan perlumbaan itu ialah mendapatkan khidmat pakar asing bagi perlumbaan yang pertama dan memilih rakyat tempatan bagi jawatan-jawatan penting supaya mereka juga dapat belajar daripada perlumbaan itu.

"Bagi jawatan lain seperti "marshall", Saya yakin orang kita boleh melakukannya. Kita mempunyai orang-orang berpengalaman yang telah menguruskan Grand Prix Motosikal Dunia," kata beliau lagi.

Beliau berkata AAM, sebagai badan pengawal sukan kereta di negara ini akan membantu menjayakan perlumbaan itu dan pada masa yang sama akan memastikan para penganjur menepati semua syarat dan peraturan badan-badan antarabangsa.

Zainuddin berkata, AAM akan memulakan usaha dengan mengumpulkan data dan maklumat mengenai Formula One.

Beliau berkata, perlumbaan Formula One di sini juga akan menyumbang kepada industri kereta di negara, dengan pengeluar-pengeluar kereta di negara ini boleh menguji kereta keluaran mereka di sirkit perlumbaan yang akan dibina di Sepang.

-- BERNAMA.
AR PR